

Dr. M anjur industri perabot bagi eksport

Oleh AHMAD PUAD ONAH

KUALA LUMPUR, Ahad — Malaysia perlu mempertingkatkan perusahaan perabot dan kraftangan tempatan bagi menjadikan negara ini pengeksport utama bahan-bahan tersebut, tegas Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, hari ini.

Perdana Menteri berkata, barang-barang perabot, sama ada siap atau pasang siap, mempunyai pasaran yang besar di seluruh dunia.

"Oleh kerana negara ini kaya dengan sumber kayu-kayan tropika, usaha-usaha lebih giat harus dijalankan untuk memajukan industri membuat perabot," ujarnya.

Belliau berkata, masanya sudah tiba bagi negara ini mengeksport perabot dan barang-barang siap dan tidak hanya bahan-bahan mentah.

Datuk Seri Dr. Mahathir lalu

menggesa pembuat-pembuat perabot supaya bersatu di dalam persatuan bagi menubuhkan industri perabot yang besar berdasarkan konsep 'Sogoshosha' — syarikat-syarikat perniagaan raksasa di Jepun.

Menurutnya, dengan penubuhan agensi-agensi perdagangan dalam konsep itu, perabot boleh menjadi satu bahan perdagangan utama dengan pasaran eksport yang besar dan luas.

Belliau berkata, bagi membantu dan menggalakkan industri tersebut, Kerajaan telah mengubahsuai dan mengenakan cukai yang berpatutan bagi eksport rotan.

Perdana Menteri memberitahu demikian kepada pem-

berita selepas melawat Expo Kuala Lumpur 1981 di Changkat Pavillion, di sini.

Belliau yang diiringi oleh Datin Seri Dr. Siti Hasmah, menghabiskan masa selama dua jam melawat seluruh expo tersebut yang mempamerkan berbagai jenis perabot dan kraftangan tempatan.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga menyeru pengusaha perabot tempatan supaya meninggikan mutu dan reka bentuk perabot bagi menjamin pasaran.

Katanya, pembuat-pembuat perabot Malaysia tidak harus hanya meniru reka bentuk asing, tetapi hendaklah mencipta barang-barang perabot yang tersendiri.

"Kita masih mundur dalam bidang ini. Reka bentuk yang

difikirkan sesuai bagi pengguna-pengguna tempatan mungkin tidak sesuai untuk pembeli-pembeli luar negeri," ujarnya.

Perdana Menteri mengesyorkan para pengusaha perabot menubuhkan sebuah pusat mencipta dan mereka bentuk perabot, bagi menjimatkan belanja mencipta secara berasingan.

Hasil-hasil ciptaan pusat tersebut, tambah belliau, boleh digunakan secara bersama oleh pembuat perabot tempatan.

Belliau, bagaimanapun, puashati industri perabot telah mula menggunakan lebih banyak senibina tempatan.

Mengenai barang-barang kraftangan, Perdana Menteri menyatakan rasa gembira mutu hasil kraftangan tempatan telah meningkat berbanding pada masa lalu.